



## KENYATAAN MEDIA

### MITI KOMITED UNTUK MEMPERCEPATKAN PELAKSANAAN KOMITMEN PELABURAN DAN PERDAGANGAN

---

Kuala Lumpur, 16 Oktober 2023: Seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2024, **Jawatankuasa Tindakan Pelarasan Pelaburan dan Perdagangan (JTPPP)** atau dalam Bahasa Inggerisnya, **Investment and Trade Action Coordination Committee (ITACC)** telahpun ditubuhkan secara rasmi.

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) **komited** untuk **memastikan pelaksanaan projek-projek pelaburan dan perdagangan direalisasikan secepat mungkin**. Sehubungan itu, Fungsi-fungsi utama JTPPP ini termasuk:

1. Membentangkan status terkini projek-projek pelaburan dan perdagangan yang telah diumumkan untuk pemantauan.
2. Menyelesaikan isu serta cabaran yang dihadapi oleh para pelabur dan pengeksport bagi mempercepatkan pelaksanaan komitmen pelaburan langsung asing dan domestik, serta perdagangan antarabangsa.
3. Mengesyorkan cadangan mengenai langkah serta strategi yang bersesuaian dalam memudahcara perniagaan, mengurangkan karenah birokrasi dan melancarkan perjalanan pelabur bagi pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi secara pantas dan tuntas.

4. Menyelaras dan memperkuatkan kerjasama dengan semua Kementerian / Agensi di peringkat Persekutuan dan negeri dalam menyelaras perkara-perkara berkaitan pelaburan dan perdagangan di Malaysia.
5. Memastikan kesemua projek pelaburan dan perdagangan strategik serta ikonik adalah selari dan bertepatan dengan dasar-dasar semasa yang berkaitan, termasuk Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030, Pelan Halatuju Peralihan Tenaga Baharu (NETR), dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Mesyuarat pertama JTPPP telah dipengerusikan oleh Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz, pada 16 Oktober 2023. Mesyuarat ini antara lainnya telah membincangkan kerja-kerja pelaksanaan bagi inisiatif yang telah diumumkan pada sesi pembentangan Belanjawan 2024 yang lalu iaitu **Projek Pembangunan Automotive High-Tech Valley (AHTV)** dan cadangan pembangunan **Kerian Integrated Industrial Park (KIIP)** bersama Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan. JTPPP juga membincangkan status terkini pelaburan asing dan domestik yang masih dalam proses pelaksanaan.

JTPPP bertanggungjawab untuk melaporkan status pelaksanaan projek pelaburan dan perdagangan tersebut kepada **Majlis Pelaburan Negara (MPN)** yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

**TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL AZIZ**  
**MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**  
**17 Oktober 2023**

## **Mengenai MITI**

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

## **Pertanyaan Media:**

Unit Komunikasi Strategik, MITI

Tel : +603 6200 0083

Fax : +603 6206 4293

E-mail : [alluks@miti.gov.my](mailto:alluks@miti.gov.my)